



KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MEMBUDAYAKAN AGENDA STI: MINGGU SAINS NEGARA 2026 ZON SARAWAK MANIFESTASIKAN IMPAK TEKNOLOGI DEMI KEMAKMURAN MASYARAKAT LUAR BANDAR

KUCHING, 30 JULAI 2026 – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) hari ini secara rasminya melancarkan Karnival Minggu Sains Negara (MSN) 2026 Zon Sarawak. Penganjuran edisi kali ini mencatatkan lembaran sejarah apabila tampil dengan misi serba dinamik untuk memecahkan tembok geografi, memastikan obor inspirasi Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) turut menyala terang di kawasan pedalaman dan luar bandar demi melahirkan generasi celik teknologi. Majlis peluncuran telah disempurnakan oleh YB Dato Sri Roland Sagah Wee Inn, Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat, Sarawak bertempat di Pusat Sains Sarawak.

YBhg. Dato' Ts. Dr. Nagulendran Kangayatkarasu, Ketua Setiausaha MOSTI, dalam ucapan aluannya menyebut bahawa program MSN 2026 merupakan inisiatif utama Kerajaan bagi menyemarakkan pembudayaan sains, teknologi dan inovasi selari dengan Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030.

Menurut beliau lagi, Karnival Minggu Sains Negara 2026 Zon Sarawak juga akan menyantuni pelajar-pelajar sekolah melalui jangkauan luar iaitu Program STEM Catalysts bersempena MSN 2026 Zon Sarawak bagi mendekati murid-murid sekolah luar bandar Sarawak di daerah Meradong, Bintulu dan Belaga. MOSTI dan Kementerian Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat Sarawak (MEITD) komited untuk memastikan program MSN lebih inklusif dan terangkum. Sinergi tersebut mempunyai hala tuju yang penting dalam membangunkan masa depan bakat STEM yang gemilang di Bumi Kenyalang.

Penganjuran karnival sains secara fizikal ini turut memperkenalkan advokasi teknologi nuklear yang merupakan sebuah anjakan paradigma untuk membina keyakinan dan penerimaan sosial masyarakat terhadap aplikasi teknologi nuklear yang selamat. Selain itu, MOSTI juga membawakan Platform Sains Rakyat (*Citizen Science*) yang boleh diakses melalui portal sainsrakyat.my. Wadah ini memanggil setiap lapisan masyarakat termasuk komuniti luar bandar untuk menyumbang data dunia sebenar (*real-world data*) bagi memacu penyelidikan dan penyelesaian berasaskan sains.

Melalui Karnival Minggu Sains Negara 2026, MOSTI komited untuk meningkatkan literasi masyarakat terhadap kepentingan STI sebagai pemacu kesejahteraan dan kualiti hidup selaras dengan nilai Malaysia MADANI.

#TAMAT#

Dikeluarkan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI
30 JULAI 2026